

# Malaysia diminta sediakan perspektif isu Kampuchea

PATTAYA, Jumaat — Malaysia telah diminta oleh rakan-rakan Aseannya supaya menyedlakan satu kertas menghuralikan keseluruhan perspektif isu Kampuchea dan langkah yang perlu diambil bagi menyelesaikan sengketa tiga tahun itu.

Permintaan itu dibuat berikutan pandangan Malaysia mengenai keadaan di Kampuchea yang dikemukakan oleh Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie di mesyuarat tidak rasmi para Menteri Luar Asean di tempat perangnya di sini semalam.

Menurut sumber-sumber, empat orang Menteri Luar Asean yang lain bersetuju dengan pandangan Tan Sri Ghazali itu dan meminta beliau menyediakan satu kertas yang akan diterima sebagai petisn Asean.

Mereka menyatakan, pemimpin Malaysia itu

memberitahu rakan-rakan sejawatnya bahawa matlamat akhir pertumbuhan serantau itu ialah untuk mewujudkan sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali (Zopfan) yang kini terhalang akibat persaingan China - Russia di rantau ini.

Bagi mengatasi persaingan ini, Asean hendaklah mewujudkan satu keadaan di mana Kampuchea akan bertindak sebagai negara penempatan antara Vietnam dengan Negeri Thai.

Sumber itu menjelaskan, dengan ini apa yang dimaksudkan oleh Menteri Luar itu ialah Kampuchea haruslah

bersikap berkecuali dalam persaingan China-Soviet dan juga berkecuali terhadap Hanoi.

Satu lagi sumber menyatakan, persepsi ini terpaksa melibatkan usaha-usaha ke arah mengekalkan sebuah negara Vietnam yang kukuh yang sebaliknya boleh bertindak sebagai penempatan antara China dengan lain-lain negara di Asia Tenggara.

Dalam hubungan ini, Vietnam juga perlu berkecuali dalam sengketa China-Soviet.

Tan Sri Ghazali, tambah mereka, telah juga memberitahu rakan sejawatnya bahawa seजार

dengan matlamat ini, negara-negara Asean telah mengambil langkah di Bangsa-Bangsa Bersatu bagi menerima satu ketetapan bagi mencapai satu penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea dan mewujudkan suasana yang akhirnya memberi hak menentukan pemerintah sendiri di negara itu selepas pengunduran tentera Vietnam.

Mereka menegaskan bahawa penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea hendaklah melibatkan juga kewujudan sebuah parti yang makmul yang boleh berunding dengan pihak Vietnam. — Bernama